



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KERAJAAN SERIUS TANGANI ISU KETIRISAN BARANG KAWALAN DI NEGERI SABAH, SARAWAK, DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan Menangani Isu Ketirisan Barang Kawalan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan pada hari ini yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Mesyuarat ini diadakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 September 2024 yang memperakukan syor supaya ditingkatkan keberkesanan penguatkuasaan bagi menangani isu ketirisan barang kawalan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Agenda ini perlu digerakkan melalui pendekatan menyeluruh kerajaan merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan persekutuan yang berkaitan dan kerajaan negeri.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil daripada pelbagai kementerian dan agensi berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pertahanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia (IMI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Turut dijemput adalah wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Jabatan Wilayah Persekutuan.

Antara strategi dan pendekatan yang dibincangkan dan diputuskan adalah seperti berikut:

- i. Memperkasa penyelarasan tugas-tugas penguatkuasaan berkaitan barang kawalan di pintu-pintu sempadan di negeri

Sabah dan Sarawak melalui Sekretariat OPS Tiris sedia ada di bawah kelolaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Penyelarasan tugas yang lebih strategik dan sistematik juga akan dilaksanakan sehingga pelaksanaan sepenuhnya Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) selaku agensi tunggal yang akan mengawal selia sempadan negara;

- ii. Memperkemas mekanisme penguatkuasaan di pintu-pintu sempadan melalui arahan penurunan kuasa penguatkuasaan KPDN kepada agensi-agensi yang beroperasi di pintu-pintu masuk dan perairan supaya isu-isu ketirisan dapat ditangani dengan lebih cepat dan berkesan;
- iii. Mengukuhkan kerjasama bersepadu melalui sokongan aset, logistik dan sumber manusia di kalangan agensi berkaitan dalam pelaksanaan operasi penguatkuasaan KPDN seperti perkongsian ruang penyimpanan ekshibit dan bantuan keselamatan petugas;
- iv. Meningkatkan pemantauan ke atas aktiviti *bunkering* melalui perkongsian data senarai pemegang lesen dan penyediaan pelabelan khas pada vesel/kapal yang terlibat dalam aktiviti *bunkering*;
- v. Menambah baik mekanisme dan sistem pengurusan skim subsidi diesel dan petrol nelayan untuk mengekang ketirisan;
- vi. Mengenal pasti zon khas penjualan barang-barang kawalan di kawasan-kawasan sempadan dan pulau-pulau berdekatan sempadan yang hanya dibenarkan menjual barang-barang kawalan tanpa subsidi;
- vii. Menguatkuasakan secara tegas tindakan gantung dan batal lesen bagi Barang Kawalan Berjadual (CSA) serta mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil

Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi;

- viii. Melaksanakan pemantauan berkala melalui mekanisme rekod log pemantauan di kesemua 466 stesen minyak di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 15 Disember 2024 secara berperingkat.
- ix. Menyarankan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas jeti-jeti dan pengkalan haram yang menjadi antara lokasi penyumbang kepada ketirisan barang kawalan;
- x. Menambah baik keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan permit barang kawalan dengan pengenalan dan pelaksanaan permit bercirikan QR Code.

Melalui pendekatan dan strategi yang telah diputuskan dalam mesyuarat ini, adalah disasarkan agenda penguatkuasaan dalam membanteras ketirisan barang kawalan termasuk aktiviti penyelewengan dan penyeludupan dapat dilaksanakan dengan lebih tangkas, cekap dan berkesan.

Pada masa yang sama, YAB Timbalan Perdana Menteri juga telah menyaksikan Majlis Menandatangani Aku Janji KITA GEMPUR oleh Syarikat Minyak yang juga merupakan antara rakan strategik KPDM. Aku Janji ini melibatkan 11 syarikat minyak di Malaysia iaitu Petronas, Shell, Petron, Caltex, BHPetrol, Xcel, FIVE, PETROS, Buraq Oil, SMART dan Petro Teguh yang turut membantu usaha kerajaan memerangi ketirisan dan manipulasi barang kawalan terutamanya diesel dan petrol.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Kuching, Sarawak
14 Disember 2024